

KERAJAAN TANAH DI LANGKAWI - P.M HENTI BELI

U.M. = 8 AUG 1992

LANGKAWI 7
Logos — Kerajaan telah mengambil keputusan menghentikan pembelian tanah di Pulau Langkawi, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Perdana Menteri berkata, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kini sudah mempunyai tanah yang cukup untuk menjalankan projek pembangunan yang dirancangkan. (Lagi berita dan gambar di Muka 3).

Lagipun, ujar beliau, kerajaan sudah tidak mampu lagi membeli tanah di Langkawi kerana harganya yang begitu tinggi sekarang.

Dr. Mahathir menambah, jika LADA memerlukan tanah di masa-masa akan datang, ia akan menambak laut terutama sekali di tempat-tempat berteluk.

12 jutawan

Setakat ini, kerajaan melalui LADA, telahpun membeli sejumlah kira-kira 360 ekar tanah di Langkawi yang melahirkan sekurang-kurangnya 12 orang jutawan dalam sekelip mata.

Kerajaan juga telah membelanjakan lebih \$50 juta untuk pengambilan tanah bagi pembangunan infrastruktur.

Bercakap kepada para wartawan selepas merasmikan DeLima Resort, hari ini, Perdana Menteri berkata, jika terpaksa juga membeli tanah, ini mungkin hanya dilakukan pada suatu jangkamasa yang lamalagi.

DeLima Resort merupakan hotel bertaraf tiga bintang yang mempunyai paling banyak bilik - 1,500. Tiga ratus bilik dibina dalam masa 53 hari sahaja bagi menampung keperluan semasa pameran LIMA November tahun lalu, 1,200 dibina dalam masa enam bulan. Pembinaan bilik-bilik tambahan ini bermula Februari lalu.

Bilik mewah

Hotel ini yang dibina oleh Woodhouse Sdn. Bhd. menyediakan tiga jenis bilik dengan kadar \$55, \$75 dan \$100.

Dalam ucapan perasmianya, Dr. Mahathir menggesa pengusaha-pengusaha industri perhotelan mengikut jejak DeLima Resort yang menyediakan bilik murah bagi menampung pelancong golongan sederhana.

Beliau mahu industri tersebut memikirkan keuntungan masa panjang dan tidak tamak mengaut keuntungan cepat.

Orang yang cepat kaya, katanya, akan jadi cepat miskin.

Beliau sekali lagi mengingatkan semua pihak yang menjalankan perniagaan di Lang-

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

KERAJAAN HENTI BELI TANAH DI LANGKAWI - PM

U.M. - 8 AUG 1992

Langkawi supaya jangan memerah pelanggan mereka untuk memastikan pulau ini terus dikunjungi dan matlamat kerajaan hendak menjadikannya tarikan pelancong berjaya.

Sementara itu, berucap pada majlis yang sama, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff berkata, sebanyak 80 projek yang berkaitan dengan pelancongan dan rekreasi telah diluluskan di bawah pelan konsep pembangunan Langkawi.

Dari jumlah ini, 59 projek

merupakan pembinaan hotel, kondominium, apartmen dan chalet.

Menurut Osman, jumlah bilik penginapan di Langkawi dijanpka meningkat kepada 12,000 apabila semua projek yang diluluskan siap mengikut jadual.

Berdasarkan kepada pelaksanaan pembinaan sekarang katanya, adalah dijangkakan Langkawi akan mempunyai 5,000 bilik menjelang tahun depan.